



Berita KUKUM



A/1



A/2



A/3



A/4

A. BENGKEL KECEMERLANGAN DALAM PENTADBIRAN KUKUM

Unit Latihan, Jabatan Pendaftar, Kolej Universiti Kejuruteraan Utara Malaysia (KUKUM) telah mengadakan 'Bengkel Kecemerlangan Dalam Pentadbiran' pada 31 Disember 2004 hingga 2 Januari 2005 bertempat di Cinta Sayang Golf & Country Resort, Sungai Petani, Kedah Darul Aman.

Bengkel yang telah dihadiri seramai lebih kurang 46 orang Penolong Pendaftar mewakili pelbagai jabatan di KUKUM itu telah dirasmikan oleh Yang Berbahagia Lt. Kol. Prof. Dato' Dr. Kamarudin Hussin, Rektor KUKUM sendiri. Turut hadir ialah Tuan Haji Rusli bin Haji Abd. Hamid, Pendaftar KUKUM, Encik Zuber Haji Mohamad, Timbalan Pendaftar, Jabatan Canselor dan Tuan Haji Shukor, Pegawai Khidmat Masyarakat KUKUM selaku fasilitator.

Tuan Haji Rusli bin Haji Abd Hamid yang bertindak selaku Pengurus 'Bengkel Kecemerlangan Dalam Pentadbiran' berkata, bengkel tersebut sudah pasti dapat memberikan pendedahan kepada para peserta yang terdiri dari Pegawai-pegawai Tadbir. Objektif bengkel tersebut yang memberikan tumpuan utama kepada Manual Prosedur Kerja (MPK) dan Fail Meja dirasakan dapat memberi input baru kepada para peserta dalam menjalankan urusan kerja-kerja pentadbiran setiap hari di jabatan masing-masing.

Hasil dari pengamatan beliau sebagai Pendaftar KUKUM mendapati, sistem pentadbiran di KUKUM tidak mempunyai prosedur dan tata kerja yang standard. Setiap jabatan di KUKUM katanya menggunakan sistem pentadbiran yang berbeza-beza mengikut arahan ketua jabatan

masing-masing. Sekiranya masalah ini terus berlanjut ia sudah tentu akan mendatangkan masalah di dalam pentadbiran KUKUM yang semakin berkembang hari demi hari.

Dalam pada itu, Dato' Dr. Kamarudin dalam ucapannya berkata, bengkel tersebut mempunyai matlamat yang penting kerana ia mahu memberi tumpuan utama kepada para peserta yang terdiri dari Pegawai-pegawai tadbir. Beliau menganggap jawatan Pegawai Tadbir sangat penting kerana ia merupakan nadi pentadbiran bagi sesebuah universiti.

Era globalisasi dan dunia tanpa sempadan memerlukan seorang Pegawai Tadbir dilengkapi dengan ilmu pentadbiran yang mantap kerana proses pentadbiran telah banyak mengalami perubahan dan para Pegawai Tadbir khasnya harus didekah kepada gaya pentadbiran terkini. Jika tidak didekah dalam bentuk kursus seperti ini, Pegawai Pentadbir akan kekurangan ilmu pentadbiran dan ini pasti akan menjelaskan pentadbiran jabatan dan pusat-pusat pengajian masing-masing, ujarnya.

Beliau juga menyeru agar setiap Pegawai Tadbir mencuri kesempatan masa yang ada untuk membuat kajian berhubung soal pentadbiran sama ada di dalam mahupun luar negara. Hasil dari kajian tersebut katanya boleh digunakan di dalam pentadbiran KUKUM selain mencadangkan inisiatif para pegawai untuk lebih banyak membaca, meneroka dan berbincang sesama sendiri tentang soal pentadbiran. >>

Sebelum menutup ucapan perasmian bengkel tersebut, Dato' Dr. Kamarudin juga menyatakan, Jawatankuasa Pengurusan Universiti telah membuat keputusan mulai Januari 2005, Pegawai-pegawai tadbir yang telah mencapai usia dua tahun perkhidmatan di sesuatu jabatan akan ditukarkan ke jabatan yang lain. Langkah ini katanya bagi memberi peluang kepada para pegawai tadbir untuk menimba pengalaman bekerja dan mengetahui selok-belok pentadbiran di jabatan yang lain.

"Pegawai-pegawai tadbir yang akan ditukarkan kelak diharapkan tidak merasa kecewa dan tertekan kerana sistem tersebut memberi banyak kelebihan kepada kakitangan KUKUM. Namun saya tidak menafikan ada di antara pegawai-pegawai tersebut akan terus dikekalkan di jabatan masing-masing mengikut kepakaran bidang kerja. Senarai nama pegawai-pegawai yang ditukarkan akan diumumkan tidak lama lagi."

Antara pengisian dalam 'Bengkel Kecemerlangan Dalam Pentadbiran' yang berlangsung selama tiga hari itu ialah ceramah bertajuk '*Total Quality Management*' yang disampaikan sendiri oleh Dato' Dr. Kamarudin, 'Fail Meja dan 'Manual Prosedur Kerja' oleh Tuan Haji Rusli dan sesi Latihan Dalam Kumpulan (LDK) yang dikendalikan bersama oleh Encik Zuber Haji Mohamad dan Tuan Haji Shukor. Majlis penutupan bengkel telah disempurnakan oleh Prof. Dr. Ali Yeon Md. Shakaff, Timbalan Rektor Akademik KUKUM.